

## 1. PENYERTAAN KONVOKESYEN PMTG KALI KETIGA

1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Diploma hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:-

- i. Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen. Rujuk perkara 2. (Graduan sepenuh masa PMTG sahaja)
- ii. Memberi maklumbalas "**BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN DAN SLIP PEMBAYARAN**" sebelum atau pada **16 Ogos 2019 (JUMAAT)** melalui web .

### PERINGATAN:

Perkara di atas adalah wajib bagi semua graduan yang hadir atau tidak hadir ke Majlis Konvokesyen. Kegagalan anda berbuat demikian boleh mengakibatkan anda dihalang menghadiri majlis konvokesyen atau pengeluaran transkrip akan ditahan.

Sebarang pertanyaan mengenai soal selidik kajian pengesanan graduan, sila hubungi En. Mohamad Azuan bin Mohamed Arshad, Pn. Maz Azleena binti Azahari atau Pn. Muniamal@Puspa a/p Perumal ditalian 04-5732789

1.2 Graduan yang hadir **DIWAJIBKAN** mengikut sesi berikut :-

- 1.2.1 Pra pendaftaran dan Taklimat Konvokesyen
- 1.2.2 Pendaftaran Graduan dan raptai.
- 1.2.3 Majlis Konvokesyen

## 2. BAYARAN KONVOKESYEN PMTG KALI KETIGA (Graduan sepenuh masa PMTG sahaja)

2.1 Jumlah bayaran ialah **RM 280.00 (Hadir ATAU Tidak Hadir)**.

2.2 Pembayaran boleh dibuat melalui cawangan **BANK ISLAM (Sila Gunakan Slip Pembayaran)** atas nama **KOPERASI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR** nombor akaun "**07052010012230**".

### PERINGATAN :

Pembayaran melalui *Cash Deposit Machine (CDM)* atau **ATM** adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Sekiranya membuat pembayaran menerusi perbankan Internet , sila cetak sebagai bukti bayaran.

2.3 Slip pembayaran Bank Islam

- 2.3.1 Salinan pertama : Simpanan Bank Islam.
- 2.3.2 Salinan ke-2 : Mengambil gambar dan upload dalam laman web PMTG
- 2.3.3 Salinan ke-2, 3 &4 : Simpanan graduan. (Bawa pada masa pra pendaftaran bagi tujuan pendaftaran dan peminjaman jubah

- 2.4 Slip pembayaran menerusi perbank internet, sila screenshot dan upload dalam laman web PMTG dan cetak 2 salinan resit transaksi tersebut untuk urusan pendaftaran dan pengambilan jubah .
- 2.5 **Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman**, boleh menyertai Majlis Konvokesyen tetapi Diploma akan ditahan oleh **Unit Peperiksaan PMTG** sehingga bayaran dijelaskan.

### 3. PRA PENDAFTARAN & TAKLIMAT KONVOKESYEN

3.1 Pra pendaftaran graduan dan taklimat akan dibuat pada jam **8.30 pagi, 21 September 2019 (Sabtu)**

- 3.1.1 Pendaftaran graduan DIS & DDV dan sesi fotografi di Bilik Tutorial 1
- 3.1.2 Taklimat Alumni di Bilik Seminar & Bilik SAC.
- 3.1.3 Taklimat Pengesanan Graduan di Bilik Seminar dan Makmal 2 & 3
- 3.1.4 Pendaftaran Graduan Diploma Professional (DPAM) di Bilik Tutorial 1.

3.2 Taklimat konvokesyen akan dibuat pada jam **2.30 petang, 21 September 2019 (Sabtu)** di The Light Hotel, Seberang Jaya dan wajib dihadiri oleh semua graduan bagi memastikan kelancaran majlis.

3.3 Rujuk aturcara majlis di Portal Rasmi PMTG.

### 4. URUSAN PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN JUBAH

#### 4.1 Peminjaman Jubah

- 4.1.1 Salinan slip bayaran Bank Islam perlu ditunjukkan kepada Urusetia Pengurusan Jubah semasa peminjaman dibuat.
- 4.1.2 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	MASA	TEMPAT
<b>21 September 2019 (Sabtu)</b>	<b>10.30 pg – 12.00 tgh</b>	<b>Bilik TEC 1, 2 dan 3, PMTG</b>

#### 4.2 Pemulangan Jubah

- 4.2.1 Jubah hendaklah dipulangkan pada selewat-lewatnya pada pukul **3.30ptg**.
- 4.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Diploma/Sijil ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- 4.2.3 Jubah yang **hilang atau rosak** akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak **RM200.00** setiap satu.
- 4.2.4 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	MASA	TEMPAT
<b>22 September 2019 (Ahad)</b>	<b>1.30 – 3.30 petang</b>	<b>The Light Hotel</b>

## 5. PENDAFTARAN GRADUAN PADA HARI KONVOKESYEN

- 5.1 Semua graduan dikehendaki mendaftar di **The Light Hotel,Seberang jaya** jam **7.30 pagi** pada **22 September 2019 (Ahad)**
- 5.2 Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- 5.3 **Jadual Pendaftaran , Taklimat Konvokesyen dan Majlis Konvokesyen ( Rujuk di portal rasmi PMTG)**

## 6. MAJLIS KONVOKESYEN

- 6.1 Graduan dikehendaki hadir lebih awal atau pada waktu yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Majlis Konvokesyen.
- 6.2 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibu, bapa atau penjaga dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- 6.3 Graduan, ibu, bapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum selesai Majlis Konvokesyen.
- 6.4 Tempat duduk tetamu (ibubapa/penjaga) adalah terhad, sila tunjukkan **“KAD JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN”**. Hanya dibenarkan untuk dua orang dewasa sahaja.

**PERINGATAN: Pihak Politeknik menyediakan ruang untuk keluarga menunggu diluar dewan.**

- 6.5 Ibu, bapa atau penjaga yang masuk ke dalam dewan hendaklah memakai **pakaian formal yang bersesuaian** dengan majlis rasmi seperti kemeja, batik atau baju Melayu bagi lelaki atau baju kurung, 'skirt' labuh serta kemeja berlungan bagi wanita dan berkasut bertutup. Memakai baju 'T' dan seluar 'jeans' adalah tidak dibenarkan.

## 7. SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

### 7.1 Sahsiah Dan Rupadiri Semasa Pra Pendaftaran Dan Acara Raptai

- 7.1.1 Semua graduan mesti berpakaian **kemas, formal dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian.**
- 7.1.2 Graduan **DILARANG TEGAS** memakai seluar jenis **“jeans”, selipar, capal** dan **‘T-shirt’ tanpa kolar** semasa mendaftar.
- 7.1.3 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan graduan wanita Islam hendaklah menutup aurat ( **memakai tudung tidak bercorak** ) atau bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan **tidak diwarnakan.**
- 7.1.4 Gambar paparan graduan untuk konvokesyen akan diambil setelah selesai urusan pengambilan jubah di **Bilik TEC 1 hingga TEC 3, PMTG .**

## 7.2 Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen

### A. Graduan Lelaki.

- 7.2.1 Graduan beragama Islam **digalakkan** berpakaian kebangsaan lengkap warna hitam (songkok, baju, seluar, berbutang, bersampin serta kasut kulit berwarna hitam) atau, baju kemeja lengan panjang berwarna putih, berseluar 'slack' *hitam* / gelap dan bertali leher. **Pemakaian Blazer adalah diwajibkan.**
- 7.2.2 Graduan **tidak** dibenarkan memakai **tali bow (bowtie)**.

### B. Graduan Wanita.

- 7.2.4 Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung atau Kebaya Labuh warna bebas (**kain berbelah adalah dilarang**) Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah memakai **tudung tidak bercorak** warna putih atau krim. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.
- 7.2.5 Bagi graduan bukan beragama Islam dibenarkan berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlengan dan sekiranya memakai **skirt** hendaklah labuh **di bawah paras lutut**.

## 7.3 Kasut

- 7.3.1 Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (**bahagian depan kaki bertutup**), **sandal**, **capal** atau kasut jenis **sukan** tidak dibenarkan sama sekali.
- 7.3.2 Penggunaan kasut kulit berwarna hitam atau gelap amat digalakkan.
- 7.3.3 Graduan wanita hendaklah memakai **kasut bertutup** yang bersesuaian (ketinggian kurang daripada 3 inci).

## 8. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN TRANSKRIP

- 8.1 Graduan boleh mengambil Diploma masing-masing sebaik sahaja setelah Majlis Konvokesyen berakhir dan mengesahkan pemulangan jubah.
- 8.2 **Diploma yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PMTG. Sebarang tuntutan Diploma selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di UNIT PEPERIKSAAN PMTG. Sila hubungi 04-5732789.**

**PERINGATAN: TRANSKRIP HANYA BOLEH DIAMBIL SEKIRANYA PROSES PEMULANGAN JUBAH SELESAI**

## 9. PARKING KENDERAAN

- 9.1 Kenderaan yang memasuki kawasan meletak kenderaan adalah di sekitar kawasan The Light Hotel, Seberang Jaya.
- 9.2 Pihak pengurusan The Light Hotel dan Politeknik tidak akan bertanggungjawab terhadap keselamatan kenderaan tetamu.
- 9.3 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

## 10. PAS MASUK MAJLIS KONVOKESYEN

- 10.1 Disebabkan tempat yang terhad dan bilangan graduan yang ramai, hanya satu (1) keping pas masuk ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk bagi dua (2) orang dewasa sahaja (ibu bapa atau penjaga). **Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk**
- 10.2 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing jam 8.00 pagi pada hari majlis konvokesyen.
- 10.3 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PMTG memohon maaf sekiranya terdapat ahli keluarga graduan yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- 10.4 Ibu, bapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan majlis rasmi.
- 10.5 Mohon kerjasama ibu, bapa atau penjaga agar **tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.**

## 11. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 11.1 Pihak luar diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 11.2 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu **dilarang** mengambil gambar di dalam atau di luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

## 12. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 12.1 Pihak PMTG tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 12.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya **tidak membawa masuk** ke dalam dewan seperti **makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya**
- 12.3 Sila matikan atau tukarkan kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, "tablet" dan lain-lain.

### 13. KUASA POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

- 13.1** Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.
- 13.2** Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah muktamad.
- 13.3** Justeru itu pihak PMTG , mohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

### 14. PENGINAPAN

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak PMTG tidak menyediakan sebarang penginapan.

### 15. LOKASI KONVOKESYEN

The Light Hotel, Seberang Jaya  
Lebuh Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya,  
13700, Seberang Jaya, Penang, Malaysia

### 16. HAL-HAL LAIN

Sila hubungi jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan urusan berikut:-

- a. Jawatankuasa Jemputan Graduan  
**Pn. Zirwatul Hanan Binti Salleh / Pn. Sarifah Nor Husna Binti Syed Alias**  
**04-5732789**
  
- b. Jawatankuasa Pengesanan Graduan  
**En. Mohamad Azuan bin Mohamed Arshad / Maz Azleena binti Azahari / Muniamal @ Puspa a/p Perumal**  
**04-5732789**

Sebarang urusan surat menyurat, sila hantarkan kepada alamat berikut :

**Pengarah,  
POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR,  
No. 25, Jalan Komersial 2,  
Pusat Komersial Tasek Gelugor,  
13300, Tasek Gelugor  
Pulau Pinang.  
(u.p : Jawatankuasa Jemputan Graduan)  
Faks : 04-573 2087**

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik METrO Tasek Gelugor di **www.pmtg.edu.my** jika terdapat sebarang perubahan atau makluman terkini.

**“ TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA ”**